

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2021/2022**

NAMA KURSUS	:	PSIKOLOGI INDUSTRI
KOD KURSUS	:	BBI 20303
PROGRAM	:	BBZ, BBY, BBS, BBO
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JANUARI/FEBRUARI 2022
JANGKA MASA	:	DUA JAM TIGA PULUH MINIT (2 ½ JAM)
ARAHAN	:	1. JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DAN EMPAT DARIPADA LIMA SOALAN DI BAHAGIAN B. 3. PEPERIKSAAN AKHIR INI ADALAH PENTAKSIRAN SECARA DALAM TALIAN DAN DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI SEPULUH (10) MUKA SURAT.

SULIT

TERBUKA

SULIT

BAHAGIAN A (ANEKA PILIHAN)

- S1 Mengapakah psikologi dalam pekerjaan penting untuk majikan?
- A. Untuk melakukan pemilihan pekerja
 - B. Untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan
 - C. Untuk menawarkan jawatan kepada saudara-mara
 - D. Untuk menjalankan operasi dan mengautkan keuntungan
- S2 Manakah antara berikut **bukan** merupakan peranan majikan?
- A. Menentukan sistem pentadbiran agar disiplin dapat diperketatkan
 - B. Menyediakan tempat kerja yang harmoni dan selesa
 - C. Menilai prestasi pembekal dan pelabur
 - D. Memberikan ganjaran
- S3 Manakah antara berikut **bukan** merupakan peranan pekerja?
- A. Menjalankan tanggungjawab tanpa cuai
 - B. Jujur, amanah dan tidak menyalah guna kuasa
 - C. Menggunakan kemudahan untuk mencapai tujuan peribadi
 - D. Setia dan memberi komitmen tidak berbelah bagi kepada organisasi
- S4 Mengapakah melakukan pekerjaan dianggap sebagai sifat tabi'i manusia?
- A. Setiap manusia punya kebolehan dan rezeki yang telah tercatat
 - B. Setiap manusia memerlukan masa untuk menyendiri
 - C. Setiap manusia mahu dirinya disanjung tinggi
 - D. Setiap manusia harus mengisi masa lapang
- S5 Salah satu kepentingan rakan sekerja ialah
- A. menjatuhkan pentadbir organisasi.
 - B. menjadikan suasana bekerja selesa seperti dalam percutian.
 - C. mendapatkan sokongan dalam melaksanakan amanah yang berat.
 - D. mendapatkan lingkungan yang boleh diharapkan untuk menyimpan aib diri sendiri.
- S6 Mengapakah pekerja perlukan skim kenaikan pangkat?
- A. Untuk mewujudkan perselisihan faham
 - B. Untuk menghargai penat lelah mereka
 - C. Untuk memastikan semua orang rajin bekerja
 - D. Untuk menjadi motivasi dalam memajukan prestasinya

SULIT

SULIT

- S7 Syarikat A menawarkan gaji yang tinggi, manakala syarikat B menawarkan gaji rendah. Namun Marisa memilih untuk bekerja dengan syarikat B atas sebab kepuasan kerja. Ini kerana selain gaji, Marisa
- A. juga punya penilaian tersendiri akan jenis pekerjaan yang diminatinya.
 - B. juga mempunyai motif lain dalam melakukan tugas seharian.
 - C. yakin populariti dirinya akan meningkat bila berpindah ke Syarikat B.
 - D. perlu mengikut rakannya yang juga telah berpindah ke Syarikat B.
- S8 Komitmen seorang pekerja adalah sangat teruji apabila
- A. setiap yang dilakukan disalah ertikan oleh majikan.
 - B. rakan-rakan tidak memberi pengiktirafan.
 - C. keluarga memerlukan perhatian.
 - D. pekerjaan tidak sesuai.
- S9 Seorang yang anti sosial dalam sesebuah organisasi akan cenderung melawan arus. Apakah gejala tingkah laku anti sosial?
- A. Mempunyai keyakinan diri yang rendah
 - B. Mencederakan diri sendiri dengan motif bunuh diri
 - C. Memperolok-olokkan usaha pihak berkuasa
 - D. Melakukan perkara yang menggugat ketenteraman awam
- S10 Organisasi yang tersusun merupakan pra-syarat kejayaan dalam kepimpinan kerjaya. Syarikat manakah antara berikut yang paling berpotensi menjadi organisasi yang disegani?
- A. Syarikat A yang kesemuanya mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi
 - B. Syarikat B yang disertai oleh mereka yang mempunyai personaliti yang ceria
 - C. Syarikat C yang mempunyai pekerja dengan bermacam ragam dan kebolehan
 - D. Syarikat D yang terdiri daripada seorang majikan yang hartawan
- S11 Seorang yang mempunyai kepimpinan karismatik bermaksud
- A. seorang yang mempunyai daya penarik dan pengaruh yang kuat.
 - B. seorang yang pandai meletakkan dirinya dalam situasi orang bawahan.
 - C. seorang yang berhempas pulas memajukan syarikat tanpa mengenal jemu.
 - D. seorang yang bersifat tegas, berani dan tidak berkompromi dalam hal prinsip.
- S12 Tujuan latihan adalah
- A. memastikan pekerja merasa dihargai.
 - B. memastikan pekerja meningkatkan kebolehan diri.
 - C. memberi ruang untuk pekerja membuat perbandingan dengan pembimbing luar.
 - D. memberi ruang untuk pekerja menonjolkan kebolehan diri untuk kenaikan pangkat.

SULIT**TERBUKA**


SULIT

- S13 Sesuatu jawatan diwujudkan dalam sesuatu syarikat sebagai implikasi analisis tugas. Ini menunjukkan
- A. tidak semua majikan mempunyai keperluan yang serupa.
 - B. semua majikan memerlukan komposisi pekerjaan yang sama.
 - C. kebanyakan pekerja sudah mengetahui kebolehan diri sebelum diberi tawaran.
 - D. tidak semua pekerja mengetahui kebolehan diri mereka lantas menyerahkan kepada nasib.
- S14 Manakah antara berikut adalah merupakan prosedur yang tepat dalam proses pengambilan staf?
- A. mengisi borang-semakan-temuduga-pemeriksaan kesihatan-surat tawaran kerja
 - B. temuduga-surat tawaran kerja-pemeriksaan kesihatan-mengisi borang-semakan
 - C. mengisi borang-semakan-temuduga-surat tawaran kerja-pemeriksaan kesihatan
 - D. surat tawaran kerja-pemeriksaan kesihatan-mengisi borang-semakan-temuduga
- S15 Apakah definisi personaliti?
- A. Keunikan individu tertentu dalam pola berfikir, perasaan dan tingkah laku
 - B. Gabungan tingkah laku seseorang yang terhasil daripada faktor didikan
 - C. Kecenderungan seseorang yang menentukan fokus dan pekerjaan yang disukai
 - D. Ciri peribadi seseorang yang membezakan dirinya dengan individu yang lain
- S16 Pemilihan staf adalah kritikal untuk mencapai matlamat organisasi. Apakah faktor-faktor pemilihan staf?
- A. Kelulusan, pengalaman, latar belakang, perancangan masa depan
 - B. Kelulusan, anugerah yang pernah diterima, usia, keterlibatan dalam masyarakat
 - C. Kelulusan, personaliti, masalah kesihatan, hobi, kecenderungan
 - D. Kelulusan, pengalaman, personaliti, anugerah yang pernah diterima
- S17 Apakah persiapan penemuduga sebelum temuduga dijalankan?
- A. Membuat semakan atas borang permohonan yang dikemukakan pegawai
 - B. Membuat penerokaan untuk mencari maklumat tambahan tentang pegawai
 - C. Merekrut pegawai dengan merujuk kepada majikan lamanya
 - D. Menyerahkan kepada ahli panel penemuduga untuk membuat keputusan bersama

SULIT**TERBUKA**

SULIT

S18 – S20 adalah berdasarkan Rajah S18 tentang proses komunikasi.



Rajah S18

S18 Apakah X dalam Rajah S18?

- A. Proses
- B. Kebocoran
- C. Maklumat
- D. Respon

S19 Apakah peranan Y dalam Rajah S18?

- A. Menjadi perantara yang menyampaikan pesanan
- B. Menentukan tujuan komunikasi
- C. Mendengar dengan teliti
- D. Menghantar pesanan

S20 Apakah punca kegagalan komunikasi antara majikan dan pekerja yang berpunca daripada keadaan atau situasi seseorang individu?

- A. Kegagalan menerima konteks yang berbeza antara majikan dan pekerja
- B. Tahap pendidikan yang berbeza antara majikan dan pekerja
- C. Kemahiran yang berbeza antara majikan dan pekerja
- D. Tujuan majikan dan pekerja yang berbeza

S21 Gurauan berikut adalah dianggap gangguan seksual di tempat kerja kecuali

- A. "Wah, nampak berseri-seri hari ini, malam ini bolehlah kita *dating!*"
- B. "Walaupun sudah petang, Puan cergas dan bertenaga. Apakah rahsia awet muda Puan?"
- C. "Tidak ramai yang nampak tetapi saya nampak warna lipstick Puan yang memikat."
- D. "Saya dengar Puan agak sensitif apabila berbual tentang suami Puan, mengapa ya?"

SULIT**TERBUKA**

SULIT

- S22 Etika kerja merujuk kepada
- A. kualiti umum yang disenangi oleh semua pihak.
 - B. disiplin dalam sesuatu organisasi.
 - C. kebaikan yang dicadangkan oleh majikan.
 - D. jati diri sesebuah organisasi.
- S23 Seorang yang mempunyai tahap kesihatan mental yang baik
- A. dapat melaksanakan tugas dengan lancar.
 - B. dapat memeriksa tahap kesihatan para pekerja yang lain.
 - C. perlu melakukan pekerjaan bagi pihak mereka yang kurang sihat.
 - D. merupakan jentera yang menjadi harapan kepada majikan dan rakan dalam organisasi.
- S24 Kebajikan pekerja dapat dipastikan melalui pemberian elaun sara hidup, kesihatan, insurans seperti SOCSO dan duit simpanan terkumpul seperti KWSP. Ini penting kerana kebajikan yang terjaga
- A. menyebabkan pekerja lebih bersemangat melaksanakan tugasnya.
 - B. mendatangkan kepercayaan seorang pekerja terhadap majikan.
 - C. menyebabkan pekerja mengambil kesempatan.
 - D. menyebabkan pekerja menerima apa jua tugas tanpa bersungut.
- S25 Encik Ahmad lewat datang kerja sebanyak dua kali. Apakah tindakan yang patut diambil oleh majikan?
- A. Dipecat daripada pekerjaan
 - B. Diberi amaran bertulis
 - C. Ditahan kenaikan gaji
 - D. Tiada kenaikan pangkat
- S26 Apakah maksud gaji?
- A. Elaun, bonus dan komisen yang dibayar kepada pekerja tetap syarikat
 - B. Bayaran yang dibayar kepada kakitangan yang bekerja lebih daripada lapan jam
 - C. Bayaran yang dibayar kepada pekerja berdasarkan tempoh jam bekerja
 - D. Bayaran tetap yang dibayar kepada pekerja yang menyumbangkan tenaga
- S27 Faktor manakah yang bukan penentu sistem penggajian yang diamalkan oleh sesebuah organisasi?
- A. Kos sara hidup meningkat
 - B. Undang-undang dan peraturan kerja kerajaan
 - C. Latihan pembangunan yang disediakan oleh organisasi
 - D. Kemampuan organisasi dari segi kedudukan kewangan

- S28 Ciri-ciri majikan yang berkesan adalah seperti berikut kecuali
- A. menjadi contoh kepada pekerjanya.
 - B. memperbaiki mutu kerja orang lain setiap waktu.
 - C. menyeimbangkan harapan dengan sistem sokongan yang mantap.
 - D. sentiasa menepati janji.
- S29 *Workaholism* adalah sejenis gangguan mental yang menyebabkan seseorang
- A. bekerja lebih masa namun tidak menghargai diri sendiri.
 - B. bekerja lebih masa dalam keadaan mengambil berat keadaan diri sendiri.
 - C. berkeadaan terumbang-ambing sehingga mengambil masa lama menyiapkan sesuatu tugas.
 - D. berada dalam keadaan terlalu bersemangat dan menjalani kehidupan normal.
- S30 Inisiatif seseorang pegawai boleh digalakkan dengan cara berikut kecuali
- A. menyediakan panduan yang terlalu terperinci.
 - B. memberi sedikit kelonggaran dalam membuat keputusan.
 - C. sentiasa mendengar respon dan memberi maklum balas segera.
 - D. menyediakan aktiviti tambahan yang mencabar dan pelbagai.

SULIT

BAHAGIAN B (ESEI)

ARAHAN: Jawab empat soalan sahaja daripada 5 soalan.

- S1 (a) Bezakan maksud 'psikologi' dengan 'Psikologi Industri' dan kemudian nyatakan dua (2) sumbangan ilmu psikologi kepada bidang Psikologi Industri. (8 markah)
- (b) Berikan contoh keperluan-keperluan di tempat kerja berdasarkan teori 'Hierarki Keperluan Maslow'. (10 markah)
- (c) Secara ringkas, bagaimanakah pengetahuan dan kemahiran seseorang menjadi jambatan yang selamat antara seseorang itu dengan industri (alam pekerjaan)? (7 markah)
- S2 (a) Antara gejala kemurungan adalah hilangnya minat terhadap semua pekerjaan. Sarankan cara seorang majikan boleh mengawal gejala tersebut agar tidak menjejaskan pekerja terbabit serta pekerja-pekerja yang terlibat secara langsung dengan individu tersebut. (6 markah)
- (b) Seorang wanita harus bijak mencapai keseimbangan dalam melaksanakan pekerjaan agar tidak keterlaluan. Wanita itu boleh jadi ibu, adik, kakak, Mak Cik, nenek atau jiran kita sendiri. Bincangkan kesan negatif terhadap diri seseorang pekerja wanita khususnya, apabila dia tidak berjaya mencapai keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan peribadi. (10 markah)
- (c) Adakah personaliti seseorang boleh dibentuk disebabkan pekerjaan walaupun setelah melalui alam dewasa? Huraikan kepentingan mengenal personaliti diri sendiri dan juga rakan di tempat kerja. (9 markah)



SULIT

- S3 (a) Apakah contoh fenomena buli di tempat kerja? (7 markah)
- (b) Kumpulan dinamik berperanan mengintegrasikan maklumat dari pelbagai arah dan kemudian menyelaraskan gerak kerja dengan cara tersendiri. Berikan tiga (3) cara tuntas dalam membuat perubahan di tempat kerja secara berkumpulan. (9 markah)
- (c) Bagaimanakah masalah diskriminasi antara kaum dapat dikawal melalui peraturan pejabat yang diawasi oleh semua staf? Berikan contoh. (9 markah)
- S4 (a) Berikan tiga (3) tujuan penilaian prestasi. (6 markah)
- (b) Nyatakan tujuan analisis pekerjaan. Apakah manfaat analisis tersebut kepada majikan dalam konteks pemilihan calon yang sedang ditemuduga? (15 markah)
- (c) SKT (Sasaran Kerja Tahunan) merupakan elemen penting penilaian prestasi. Apakah definisi dan peranan SKT? (4 markah)

- S5 (a) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 menekankan keselamatan setiap pekerja. **Akta 514, Seksyen 15 berbunyi:**
"Menjadi tanggungjawab majikan dan setiap pekerja yang bekerja sendiri untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di bawah lindungannya termasuk dirinya sendiri."
Perkara 4 (Objektif Akta) bahagian (c) pula menyatakan:
"*...to promote an occupational environment for persons at work which is adapted to their physiological and psychological needs.*" (Untuk menggalakkan suasana kerja untuk para pekerja yang disesuaikan dengan keperluan fisiologi tubuh dan psikologi mereka.)

Rajah S5

Rajah S5 adalah Akta berkaitan kesihatan di tempat kerja. Pada pandangan anda mengapakah sesetengah majikan masih tidak menyediakan persekitaran tempat kerja yang sesuai dalam memenuhi keperluan psikologi pekerja sekalipun akta telah digubal?

(10 markah)

- (b) Wabak coronavirus (COVID-19) merupakan pandemik yang merubah lanskap pekerjaan di masa akan datang. Sebagai bakal graduan, apakah persiapan yang anda perlu lakukan supaya berjaya mendapatkan pekerjaan walaupun dalam persaingan sengit?
- (10 markah)
- (c) Bagaimanakah perkiraan gaji dibuat secara umum oleh seorang majikan?
- (5 markah)

-SOALAN TAMAT-

SULIT

